

PENULISAN ESEI

TAJUK ESEI: Internet, Racun Yang Membinasa Atau Ubat Yang Berkuasa?

PENULIS: Nur Fatehah Binti Mohd Fauzi

Tarikh diterbitkan: 28 Januari 2021

Tidak dapat dinafikan, kemajuan dunia kini membuatkan kita kelihatan sangat perlu bergantung harap kepada teknologi. Apa-apa masalah, pasti kita akan mencari mesin ataupun alatan ciptaan manusia yang lain untuk menyelesaikan masalah kita. Ironinya, semua teknologi yang digunakan itu adalah ciptaan manusia itu sendiri yang sifatnya sememangnya tidak sempurna. Tanpa kita sedari, bermula sahaja kita bangun tidur, sehingga kita tidur semula, terlalu banyak perkara yang kita lakukan dan terlalu banyak masalah kita dapat diselesaikan dengan baik dengan bantuan teknologi. Kita dan teknologi sudah bagaikan isi dengan kuku. Walaupun begitu, wujud juga sesetengah golongan yang mempunyai obsesi melampau terhadap teknologi sehingga ia melawan fitrah manusia yang juga perlu bersahabat dengan alam. Masalah ini juga sedikit sebanyak melumpuhkan sistem sosial yang perlu diusahakan oleh kita, manusia.

Sebelum kita pergi lebih jauh, ayuh kita sama-sama telusuri makna teknologi yang ada beserta bidang-bidang yang memanfaatkan teknologi. Dewan Bahasa dan Pustaka (2010) mendefinisikan teknologi sebagai suatu aktiviti atau kajian yang menggunakan pengetahuan Sains untuk tujuan praktis dalam industri, pertanian, perubatan, perniagaan dan lain-lain. Teknologi juga adalah suatu kaedah atau proses menangani sesuatu masalah teknikal. Selain itu, menurut Asma' Al-Banjari (2016), teknologi adalah hasil cerapan daripada ilmu Sains yang mana kewujudannya bersifat kepada Sains gunaan yang menitikberatkan praktikaliti yang membolehkan manusia menggunakannya dengan membuat perubahan kepada dan daripada alam tabii.

Di Malaysia, kebanyakan sektor pekerjaan telah pun memanfaatkan teknologi dengan baik. Sektor pekerjaan yang terkenal dengan penggunaan teknologi adalah mereka yang terlibat di bawah bidang kejuruteraan dan kesihatan dan keselamatan. Mereka telah memanfaatkan kemajuan pelbagai mesin dan alatan elektronik untuk membantu manusia dengan baik.

Misalnya, perkembangan teknologi dalam dunia perubatan telah berjaya menyelamatkan ratusan malah ribuan nyawa manusia.

Selain itu, antara teknologi yang sudah biasa kita gunakan adalah teknologi maklumat dan komunikasi yang berkaitan dengan pemerolehan, penyimpanan, pemprosesan, dan penyebaran maklumat melalui penggunaan komputer dan alat tele-komunikasi. Dunia kini adalah dunia di mana segalanya kita boleh dapatkan hanya di hujung jari. Kita cuma perlukan hanya satu ketikan di Internet untuk menaikkan nama kita. Dan orang lain juga hanya memerlukan satu ketikan di papan kekunci untuk menjatuhkan kita. Begitu dahsyat dunia teknologi kini dan realitinya sangat menyeramkan.

PENCIPTAAN INTERNET

Apa jua yang datang hasil ciptaan manusia pasti ada kesan baik dan buruknya. Sememangnya manusia mengejar dan menimba ilmu untuk berinovasi ke arah yang lebih baik. Dengan niat inovasi yang mereka cipta itu, manusia lain dapat aplikasikan dan memanfaatkan semaksimal mungkin demi kesejahteraan hidup mereka. Sebagai contoh penciptaan Internet. Seperti yang diceritakan oleh MJ Suhaimi (2018), *ARPAnet* adalah kelahiran pertama teknologi Internet yang tercetus akibat daripada perang dingin antara *Soviet Union* dan Amerika Syarikat. Saintis dan pakar ketenteraan berasa bimbang sekiranya *Soviet Union* menyerang sistem komunikasi Amerika Syarikat. Justeru pada tahun 1962, seorang saintis daripada *Massachusetts Institute of Technology (MIT)* dan *ARPA* yang bernama J.C.R Licklider telah mencadangkan satu penyelesaian untuk masalah tersebut.

Beliau telah mencadangkan untuk mencipta suatu rangkaian yang dikenali sebagai rangkaian galaktik yang dapat disambungkan kepada seberapa banyak komputer yang boleh. Tujuannya adalah sebagai sandaran agar ketua-ketua kerajaan di Amerika Syarikat dapat terus berkomunikasi jika *Soviet Union* menyerang sistem telekomunikasi mereka.

Tahun berganti tahun, dunia teknologi pun semakin membangun. Pelbagai teknologi baru giat dijalankan demi memajukan dunia. Kemajuannya bagaikan cendawan yang tumbuh selepas hujan. Begitu juga dengan *ARPAnet* yang sudah digantikan dengan Internet masa kini. Teknologi Internet inilah yang masyarakat kini sedang gunakan. *World Wide Web (WWW)* adalah salah satu contoh Internet yang bukan sahaja dapat menghantar fail dari satu tempat ke

satu tempat yang lain, bahkan ia adalah sebuah 'web' yang amat berguna kepada penggunanya kini. Pencipta kepada teknologi Internet ini adalah Tim Bernes-Lee.

Internet juga merupakan contoh teknologi yang semakin meluas digunakan. Kebanyakan orang menggunakan Internet untuk mencari maklumat dengan mudah. Mencari maklumat dengan menggunakan Internet juga amat menjimatkan masa kerana kita tidak perlu membelek muka surat satu per satu sepertimana ketika kita menelaah buku untuk mencari maklumat. Maka sebagai seorang Muslim, kita sepatutnya memanfaatkan Internet dengan baik. Hal ini supaya kita juga dapat memberi nilai tambah kepada orang lain hasil daripada manfaat yang kita ambil daripada orang lain. Abu Taqiey Hussin (2017) ada mengingatkan tentang sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Ibn Hibban dalam Sahih Muslim, "*sebaik-baik manusia adalah yang paling memberi manfaat kepada orang lain.*"

BAHAYA TERBESAR INTERNET

Pun begitu, kita tidak dapat mengelak daripada menyangkal wujudnya segelintir manusia yang akan menyalahgunakan sesuatu demi kepentingan nafsu sendiri yang seterusnya bakal memudaratkan kehidupan orang lain. Kita juga sudah sedia maklum bahawa di Internet sudah terlalu banyak maklumat yang telah dimuatnaik. Tidak kiralah ia adalah satu maklumat yang baik ataupun buruk. Segalanya sudah tersedia di jaringan Internet. Disebabkan penggunaan Internet juga semakin meluas, ditambah pula dengan kesenangan untuk memperoleh maklumat dengan sekelip mata, maka amat mudahlah bagi mereka untuk memuat naik atau memuat turun bahan-bahan yang tidak sepatutnya.

Jenayah yang berlaku di Internet adalah suatu yang sangat serius kerana ia mungkin menjadi petanda awal kepada kemusnahan hidup seseorang. Sebagai contoh, dalam konteks seorang Muslim yang baik, kita tidak sepatutnya malah diharamkan daripada melayan bahan-bahan berbentuk lucah. Perkara ini akan menggelapkan hati kita kerana kita telah melakukan sesuatu dosa yang sepatutnya seseorang Muslim perlu elakkan. Menonton bahan lucah adalah zina mata dan perkara ini adalah antara yang ditegah di dalam Islam kerana ia menghampiri zina yang sebenar. Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 32, "*Dan janganlah kamu menghampiri zina. Sesungguhnya ia adalah sesuatu yang keji dan satu jalan yang jahat - akan membawa kepada kerosakan*". Muhammad Shahrulnizam Muhadi (2018) menguatkan lagi hujahan ayat al-Quran ini dengan tafsiran daripada Ibn Kathir iaitu Allah SWT melarang para

hamba-Nya daripada perbuatan zina dan menegah daripada mendekatinya. Begitu juga setiap yang membawa kepada zina seperti faktor-faktor dan aspek-aspek yang membawa kepadanya.

Kesan daripada menonton bahan lucah teramatlah buruk – gelap hati, kuat beronani, lemah tubuh badan, malah tahap terburuk adalah sehingga membawa kepada zina yang sebenarnya. Bayangkan kanak-kanak seawal umur lima tahun pun boleh terjebak dengan jenayah ini jika kita tidak mengetahui kaedah untuk memanfaatkan Internet dengan sebaiknya. Kita juga sebolehnya tidak mahu anak-anak muda masa kini terjebak dalam kancah jenayah yang tidak sepatutnya. Hal ini disebabkan perkara ini bakal menghakis nilai moral dan insani yang melawan fitrah manusia yang sebenarnya hanya menginginkan kebaikan untuk dirinya sendiri dan juga untuk mereka yang disayangi.

MUSLIM, MANFAATKAN TEKNOLOGI DENGAN SEBAIKNYA!

Justeru, sebagai seorang Muslim yang baik, apakah yang boleh kita lakukan bagi mengawal godaan dan ‘gangguan’ teknologi sebegini? Perkara yang boleh kita lihat adalah, walaupun Internet digunakan secara meluas oleh pelbagai lapisan umur, kita dapat mengesan bahawa penggunaan teknologi bernama Internet ini lebih dimonopoli oleh orang-orang muda. Oleh itu, orang muda seyogianya tampil ke hadapan dengan bakat mereka dalam bidang teknologi ini dengan pendekatan yang lebih menarik supaya dapat menarik orang ramai ke arah kebaikan.

Dunia kini adalah dunia berkomunikasi tanpa sempadan. Orang muda boleh memanfaatkan pelbagai aplikasi di dunia Internet untuk menyebarkan dakwah. Seperti seruan pada firman Allah SWT dalam surah Luqman ayat 17, *“dan suruhlah manusia berbuat makruf (baik dan menjauhi perkara mungkar (buruk))...”* Selain itu, sabda Nabi Muhammad SAW, *“Barangsiapa di antara kamu melihat kemungkaran, maka hendaklah ia mengubahnya dengan tangannya, jika ia tidak mampu cegahlah dengan lisannya, dan apabila tidak mampu maka dengan hatinya. Yang demikian itu adalah selemah-lemah iman.”* Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim di dalam Sahih Bukhari dan Muslim.

Sebagai manusia yang tidak berjawatan dan tidak mempunyai autoriti tertinggi, kita boleh memanfaatkan kuasa tangan kita dengan apa yang ada untuk kemaslahatan masyarakat. Terlalu banyak aplikasi yang telah dibangunkan dan orang muda boleh manfaatkannya untuk tujuan berdakwah. Sebagai contoh, orang muda boleh memanfaatkan aplikasi TikTok untuk video dakwah yang singkat. Seseengah daripada kita kurang gemar video yang panjang

berjela. Maka dengan aplikasi TikTok ini, orang muda boleh membuat video dakwah ringkas untuk menerangkan poin-poin penting untuk sesuatu perkara. Misalnya, mereka boleh membuat video berdurasi satu minit tentang perkara-perkara yang seorang Muslim wajib jauhi. Sekurang-kurangnya perkara ini dapat dijadikan peringatan ringkas sesama kita. Bukankah kita sudah berjanji untuk saling berjumpa di syurga kelak? Maka wajib bagi kita untuk saling mengingatkan agar kita dapat menikmati kehidupan yang lebih sejahtera di dunia ini dan juga di alam sana nanti.

PENUTUP

Demikianlah bahaya dan gangguan terbesar teknologi yang menghantui hidup manusia kini. Walau bagaimanapun, sebagai seorang yang mempunyai akal fikiran, kita sepatutnya boleh membezakan perkara yang baik dan buruk. Telah banyak kali Allah SWT ulang di dalam al-Quran dengan persoalan “tidakkah kalian berfikir?” Jika kita mampu gunakan akal untuk membangunkan teknologi demi kesejahteraan manusia, kita juga sepatutnya boleh memanfaatkan akal untuk mencegah daripada terjebak dengan gangguan teknologi yang bukan calang-calang hebatnya sepertimana penciptaan asal Internet ini adalah bertujuan untuk memudahkan komunikasi jika diserang. Bukannya menyerang untuk berkomunikasi lalu memusnahkan diri sendiri dan manusia lainnya.

RUJUKAN

- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2010). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Ampang, Ampang: Dewan Bahasa dan Pustaka. *hal 1630*
- Abu Taqiey Hussin. (2017, Februari 25). Bermanfaat Kepada Orang Lain. Retrieved from [Bermanfaat Kepada Orang Lain – DAKWAHdanTARBIAH.com](#)
- Asma' Al-Banjari (2016, Mac 11). Falsafah Dan Sumbangan Sains Dan Teknologi Islam Kepada Peradaban Manusia. Retrieved from [Asma' Al-Banjari: Falsafah Dan Sumbangan Sains Dan Teknologi Islam Kepada Peradaban Manusia \(mak-andak.blogspot.com\)](#)
- MJ Suhaimi (2018, Januari 25). Sejarah Penciptaan Internet: Dari Perang Dingin Sehingga Kini. Retrived from [Sejarah Penciptaan Internet: Dari Perang Dingin Sehingga Kini | Iuminasi](#)
- Muhammad Shahrulnizam Muhadi. (2018, September 19). Al-Kafi #182: Kesan Buruk Zina. Retrieved from [Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan - AL-KAFI #812 : KESAN BURUK ZINA \(muftiwp.gov.my\)](#)